

UPM kongsi tips pikat haruan dengan empat jenis gewang

UM 14/09/23 MS 25

MEMANCING ikan haruan boleh dikategorikan sebagai aktiviti mudah. Tetapi ia boleh juga menjadi ekstrem bergantung kepada lubuk memancing.

Bagi yang baru terjebak dalam dunia memancing, ikan haruan adalah spesies yang mudah untuk diburu.

Sebagai umpan, katak adalah sinonim dalam perburuan ikan haruan. Ini kerana, katak adalah makanan kegemaran haruan selain daripada anak ikan.

Namun jika anda tidak menyukai katak atau tidak menggemari umpan hidup, anda boleh menggunakan alternatif seperti jump frog, katak lembut (soft frog), soft plastic, spoon, spinner, dan gewang tiruan yang mempunyai warna dan bentuk seperti anak ikan..

Sekumpulan penyelidik yang diketuai Pensyarah Kanan Perikanan Rekreasi, dari Fakulti Pertanian Universiti Putra Malaysia (FPUPM), Dr. Izharuddin Shah Kamaruddin, menjalankan kajian berkaitan umpan tiruan atau juga dikenali sebagai gewang.

Gewang dilekatkan pada mata kail dan dipadankan dengan set rod dan mesin atau kekili untuk menangkap haruan.

Beliau berkongsi tips hasil kajian rintis berskala kecil yang dijalankan di lokasi berbeza di kolam sekitar kampus UPM, menggunakan gewang berbeza untuk mengumpan ikan haruan.

Terdapat empat jenis gewang yang diuji selama tiga bulan berturut-turut, pada setiap hujung minggu oleh sekumpulan penyelidik tersebut. Berikut merupakan senarainya:

1) Gewang katak lembut (soft frog)

Gewang yang versatile dan mudah untuk di'casting' dan sukar untuk tersangkut pada tumbuhan atau kayu mati. Dalam kajian ini gewang soft frog berjaya mendaratkan ikan haruan paling banyak iaitu sebanyak 35 ekor daripada 133



PELAJAR Universiti Putra Malaysia (UPM), Amirul Irfan Ahmad Rafee menunjukkan dengan hasil tangkapan menggunakan umpan popper.

sambaran, dengan prestasi 26.3 peratus.

2) Gewang pensil

Gewang ini berbentuk agak tirus dan panjang seperti sebatang pensil. Prestasi 52.1 peratus, apabila 25 ekor ikan haruan berjaya didaratkan daripada keseluruhan 48 sambaran.

3) Gewang buzzbait

Gewang ini mengeluarkan bunyi yang kuat menggoda ikan haruan yang tersembunyi di dalam semak. Gewang ini berjaya menangkap sebanyak 23 ekor haruan daripada 98 sambaran, dengan prestasi 23.5 peratus.

4) Gewang popper

Gewang popper memercik permukaan air serta membentuk buih di

bawah permukaan air, agar dapat dilihat oleh ikan dari jauh. Walaupun gewang popper mendaratkan paling sedikit ikan Haruan dengan hanya 15 ekor daripada 31 sambaran, tetapi mencatat prestasi terbaik sebanyak 48.4 peratus.

Secara keseluruhan, gewang 'soft frog' yang terbaik sepanjang kajian dijalankan, kerana berjaya menaikkan ikan haruan paling banyak dengan sambaran paling tinggi. Namun, dari segi prestasi peratusan, mungkin gewang popper adalah yang terbaik.

Kajian ini mungkin bermanfaat bagi mereka yang baru sahaja berjinak-jinak dengan dunia memancing, terutama dalam memilih gewang permukaan terbaik untuk ikan haruan.